Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 4, e001426
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1426

Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti serta Hubungannya dengan Motivasi Murid SJKC Sepanjang PdPR

(Parents and Community Involvement and Its Relationship With Motivation Of SJKC Students Throughout PdPR)

Mageret Lo[1*], Ruhizan M. Yasin[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: p105286@siswa.ukm.edu.my
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: ruhizan@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Mageret Lo
(p105286@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Penglibatan ibu bapa
PdPR
Bahasa Melayu
Motivasi
Murid SJKC

KEYWORDS:
Parents involvement
PdPR
Malay language
Motivation
SJKC student

CITATION:
Mageret Lo & Ruhizan M. Yasin. (2022). Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti serta Hubungannya dengan Motivasi Murid SJKC Sepanjang PdPR. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(4), e001426.
https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1426

ABSTRAK

Motivasi dalam pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJKC dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya ialah penglibatan ibu bapa dan komuniti. Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJKC semakin mencabar dan menjadi kebimbangan ramai pihak kerana proses pengajaran dan pembelajaran yang tidak menentu akibat pandemik Covid-19. PdPR yang dilaksanakan sebagai pembelajaran alternatif bagi keberlangsungan proses pendidikan di negara kita memerlukan kerjasama, sokongan dan penglibatan ibu bapa kerana proses pengajaran dan pembelajaran berlaku di rumah sepanjang perintah kawalan pergerakan. Kajian ini bertujuan untuk meninjau penglibatan ibu bapa dan komuniti serta hubungannya dengan motivasi murid SJKC dalam pembelajaran Bahasa Melayu sepanjang pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif yang berbentuk tinjauan. Seramai 197 orang murid Tahun 6 yang bersekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Sarikei yang terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa dan komuniti sepanjang PDPR (M=3.40, SP=0.76) dan tahap motivasi murid SJKC dalam pembelajaran Bahasa Melayu sepanjang PdPR (M=3.53, SP=0.77 berada di tahap sederhana. Dapatan juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dan komuniti dengan motivasi pembelajaran Bahasa Melayu murid SJKC (r=-0.79, p=0.00). Implikasi kajian ini memberi maklum balas kepada pihak sekolah agar menggalakkan penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC ke arah meningkatkan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

ABSTRACT

Motivation in learning Malay language among students in SJKC is influenced by various factors such as the

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

involvement of parents and the community. Malay language learning among students at SJKC is increasingly challenging and a concern for many parties due to the uncertain teaching and learning process due to the Covid-19 pandemic. PdPR which is implemented as an alternative learning for the sustainability of the educational process in our country requires the cooperation, support and involvement of parents because the teaching and learning process takes place at home throughout the movement control order. This study aims to examine the involvement of parents and the community and its relationship with the motivation of SJKC students in learning Malay language throughout teaching and learning at home (PdPR). This study uses a survey-type quantitative study design. A total of 197 Year 6 students who attended Chinese National Type Primary Schools (SJKC) in Sarikei district were involved in this study. The findings showed that the level of parental and community involvement throughout the PdPR (M = 3.40, SP = 0.76) and the level of motivation of SJKC students in learning Malay throughout the PdPR (M = 3.53, SP = 0.77 were at a moderate level. The significance of this study is to provide feedback to the school to encourage the involvement of parents and community in Malay language learning among SJKC students. towards increasing motivation in learning Malay language.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur berkaitan penglibatan ibu bapa dan komuniti di SJKC dan motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu untuk merancang atau menambahbaik program yang berkenaan di peringkat KPM, JPN, PPD dan sekolah.

1. Pengenalan

Bahasa Melayu yang juga bahasa kebangsaan merupakan bahasa yang digunakan untuk urusan rasmi dan bahasa pengantar dalam institusi-institut pendidikan di Malaysia setelah berkuatkuasanya Akta Pelajaran pada tahun 1961 (Pejabat Perdana Menteri, 2019). Namun, di sekolah vernakular seperti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SKJC) menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Oleh yang demikian, sekolah vernakular wajib mengajar Bahasa Melayu mengikut Seksyen 17(2) iaitu bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan itu sekiranya bahasa pengantar utama di institusi pendidikan tersebut bukan menggunakan bahasa Melayu (Akta Pendidikan, 1996).

Isu lemah penguasaan bahasa Melayu dalam golongan bukan penutur jati bahasa Melayu sentiasa menjadi perdebatan. Tambahan pula, pada tempoh pandemik Covid-19, proses pembelajaran murid-murid tidak menentu dengan penutupan sekolah berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan virus Covid-19. Wabak Covid-19 mula menular di negara pada awal bulan Mac 2020. Pihak kementerian mula mengambil langkah penutupan sekolah pada 27 Mac 2020 sehingga 1 Julai 2020. Dalam fasa ini, pihak KPM meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran semasa PKP bagi memastikan tiada murid yang ketinggalan dalam pembelajaran. Pihak

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kementerian dalam kenyataan medianya sedar akan terdapatnya perbezaan akses kepada teknologi komunikasi di kalangan guru, ibu bapa dan murid. Oleh yang demikian, pihak KPM mengarahkan para pendidik menggunakan kemudahan yang dapat diakses oleh kedua-dua pihak untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran tanpa keluar dari rumah.

Justeru, pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) telah diwujudkan agar murid-murid dapat meneruskan sesi pembelajaran dari rumah tanpa hadir secara bersemuka di sekolah. Pihak KPM mengeluarkan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) pada Oktober 2020 untuk melaksanakan pembelajaran norma baharu. Manual ini memberikan panduan kepada guru-guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berstruktur dan murid-murid dapat mengikut PdPR mengikut mod-mod yang bersesuaian. PdPR dilaksanakan melalui 3 jenis mod iaitu secara atas talian, secara luar talian dan secara off-site. Penggunaan mod ini bergantung dengan keadaan dan kemudahan peranti yang dimiliki oleh murid. Lantaran PdPR adalah sokongan kepada proses pembelajaran secara bersemuka yang tidak dapat dilaksanakan kerana sekolah ditutup akibat wabak COVID-19, kesan PdPR tidak akan sama dengan kesan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Keberkesanan pelaksanaan PdPR ini memerlukan kerjasama penuh serta usaha daripada semua pihak iaitu pihak sekolah, ibu bapa atau penjaga dan murid itu sendiri (Abd Rahman & Ramli, 2021).

Sokongan dan penyertaan ibu bapa dalam proses pembelajaran anak-anak khususnya semasa tempoh pandemik Covid-19 amat diperlukan demi mengurangkan keciciran dalam pembelajaran. Ibu bapa memacu peranan penting dalam meningkatkan pembelajaran serta motivasi anak-anak mereka di rumah. Pihak sekolah telah menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian dengan kemampuan anak-anak murid untuk menjalankan proses pembelajaran di rumah berlaku. Namun, pembelajaran di rumah amat bergantung kepada kerjasama dan sokongan daripada ibu bapa juga. Tambahan pula, proses pengajaran dan pembelajaran di rumah dalam tempoh PKP iaitu menjadi lebih mencabar bagi murid-murid jika tiada sokongan dan motivasi daripada ibu bapa. Tuntutan kerja yang terlalu sibuk menyebabkan ibu bapa kurang prihatian terhadap pembelajaran anak-anak kerana lebih mengutamakan kerja terutama kedua-dua ibu bapa terdiri daripada golongan barisan hadapan. Ibu bapa memikul tanggungjawab penuh ke atas pembelajaran anak-anak terutama keperluan untuk pembelajaran dalam talian (Mahad, Magesvaran & Hamzah 2021).

Kajian yang mengkaji penglibatan ibu bapa dalam mempengaruhi motivasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu terutama di SJKC masih kurang meluas. Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk meninjau tahap penglibatan ibu bapa dan komuniti serta hubungannya dengan tahap motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu sepanjang PdPR

2. Sorotan Literatur

Penguasaan dalam mata pelajaran bahasa Melayu menjadi cabaran kepada pelajar bukan Melayu khususnya pelajar-pelajar yang bukan penutur jati bahasa Melayu. Ibrahim (2017) menyatakan bahawa keputusan UPSR bagi murid yang merupakan penutur bahasa Melayu sebagai bahasa kedua kurang memuaskan. Rajah 1 menunjukkan analisis prestasi mata pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) UPSR mengikut Gred Tahun 2019 berbanding Tahun 2018. Calon-calon UPSR di SJKC akan mengambil kertas Bahasa Melayu Pemahaman (021) dan Bahasa

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Melayu Penulisan (022) manakala calon-calon UPSR di Sekolah Jenis Kebangsaaan Tamil (SJKT) mengambil kertas Bahasa Melayu Pemahaman (031) dan Bahasa Melayu Penulisan (032). Berdasarkan gambar tersebut, peratus Gred E bagi kertas Bahasa Melayu Pemahaman di sekolah SJKC dan SJKT menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 berbanding tahun 2018. Peratus Gred E bagi kertas Bahasa Melayu Penulisan di sekolah SJKC dan SJKT menunjukkan penurunan pada tahun 2019 berbanding tahun 2018. Walaubagaimanapun, peratus Gred E bagi kedua-dua kertas Bahasa Melayu di SJKC dan SJKT masih tinggi berbanding peratus Gred E bagi kedua-dua kertas Bahasa Melayu (011 dan 012) di Sekolah Kebangsaan (SK). Ini menunjukkan bahawa murid-murid di SJKC dan SJKT sukar untuk menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu berbanding murid-murid yang bersekolah di sekolah kebangsaan.

Rajah 1: Analisis Prestasi Mata Pelajaran Bahasa Melayu SJKC dan SJKT UPSR Mengikut Gred Tahun 2019 Berbanding Tahun 2018

Kod & Nama Mata Pelajaran	Tahun	Peratus						Bilangan Calon
		A	B	C	D	Mencapai (A → D)	E	
011 - Bahasa Melayu-Pemahaman	2019	26.91	30.29	26.66	12.74	96.60	3.40	332,610
	2018	26.99	29.95	25.68	13.28	95.90	4.10	328,939
012 - Bahasa Melayu-Penulisan	2019	29.39	32.27	20.60	13.07	95.33	4.67	332,694
	2018	25.96	31.44	24.10	13.14	94.64	5.36	328,990
021 & 031 - Bahasa Melayu-Pemahaman	2019	14.77	24.02	24.00	26.90	89.69	10.31	99,059
	2018	17.71	24.35	23.06	24.69	89.81	10.19	98,108
022 & 032 - Bahasa Melayu-Penulisan	2019	25.39	16.04	28.84	17.47	87.74	12.26	99,058
	2018	23.36	17.24	28.41	17.20	86.21	13.79	98,113

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2019)

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu murid-murid di SJKC dapat dilihat dari faktor ibu bapa, faktor sosial dan faktor motivasi intrinsik. Ibu bapa kurang memberikan perhatian penuh kepada anak, sikap yang memandang remah terhadap bahasa Melayu dan tidak berpeluang bertutur dalam bahasa Melayu merupakan antara faktor lemah menguasai bahasa Melayu (Chew & Lee, 2009). Kesukaran murid menguasai bahasa Melayu kerana berpunca daripada pemikiran ibu bapa yang tidak meletakkan kepentingan bahasa Melayu dalam pendidikan anak-anak. Pandangan ibu bapa yang rendah terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu juga mempunyai kaitan dengan latar belakang keluarga yang berkemampuan untuk menghantar anak-anak melanjutkan pelajaran peringkat tinggi di luar negara. Justeru, mereka menitikberatkan penguasaan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Namun, ibu bapa tetap mementingkan pelajaran anak-anak dan sentiasa memberikan sokongan penuh terhadap pelajaran anak-anak. Walaubagaimana pun, latar pendidikan yang rendah khususnya dalam subjek bahasa Melayu juga mempengaruhi pencapaian anak kerana ibu bapa tidak dapat membimbing anak di rumah.

Cabaran menguasai bahasa Melayu juga dipengaruhi oleh faktor sosial. Majoriti murid yang bersekolah di sekolah jenis kebangsaan Cina adalah berbangsa Cina dan menggunakan bahasa ibunda mereka sepenuhnya sebagai bahasa komunikasi harian mereka dengan rakan di sekolah dan ahli keluarga di rumah. Pencapaian akademik yang tidak memuaskan adalah berpunca daripada kegagalan menguasai bahasa Melayu

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dengan baik (Polai & Mahamod, 2021). Keadaan ini menyukarkan murid untuk menguasai bahasa Melayu kerana tidak diaplikasikan dalam komunikasi harian murid. Menurut Hwa dan Subramaniam (2016), tidak berlaku proses komunikasi bahasa Melayu dalam kalangan murid menyukarkan murid dalam menguasai bahasa Melayu serta mempelajari sistem bahasa Melayu.

Kajian yang dijalankan oleh Zuki dan Mohamad (2017) serta Ngumbang dan Mahamod (2017) menyatakan murid-murid peribumi di Sabah dan Sarawak mempunyai motivasi yang tinggi semasa mempelajari bahasa Melayu. Motivasi belajar murid mempunyai hubung kait yang amat rapat dengan tahap penguasaan bahasa kedua (Nahar, 2018). Menurut Jaafar dan Maat (2020), tahap motivasi pelajar bergantung dengan kerelaan pelajar untuk memberikan tenaga dan usaha dalam melakukan sesuatu tugasan. Murid-murid akan berjaya menguasai bahasa kedua sekiranya murid tersebut bermotivasi tinggi dan sebaliknya. Kejayaan seseorang individu juga didorong oleh faktor motivasi intrinsik dalam diri murid. Seseorang individu akan berusaha untuk memperoleh pencapaian yang cemerlang seandainya individu tersebut memiliki tahap motivasi yang tinggi dalam diri (Zubir, Kamaruddin & Sha'ri, 2018). Motivasi intrinsik yang rendah dalam diri murid mempengaruhi pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Elemen penting yang menentukan sama ada seseorang mempelajari bahasa kedua atau tidak adalah sikapnya (Ibrahim & Mahamod, 2017; Mahamod, Ab. Ghani & Mohamad, 2016).

Anjakan kesembilan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2015) menitikberatkan sokongan ibu bapa dalam proses pembelajaran anak-anak melalui aktiviti-aktiviti sekolah khususnya menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Pelbagai pihak, termasuk pendidik, ibu bapa, dan masyarakat, hendaklah mengalakkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Kerjasama ini adalah satu idea *complimentary learning* yang bertujuan memenuhi semua keperluan anak dan membantu mereka untuk berjaya. Kesedaran tentang kepentingan penglibatan para ibu bapa atau penjaga ke arah meningkatkan prestasi dan kualti sekolah telah wujud dengan penubuhan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang telah tercatat dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa-Guru). Persatuan PIBG diwujudkan bermatlamat untuk membina persetujuan antara ibu bapa dengan guru agar dapat mewujudkan kesefahaman tentang tanggungjawab bersama dan peranan yang dimainkan masing-masing. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Kementerian Pendidikan Malaysia Bil 1 Tahun 2018 mengariskan panduan penglibatan ibu bapa atau penjaga dan komuniti sebagai sukarelawan di dalam kelas (SdK) untuk melaksanakan program kerjasama antara ibu bapa atau penjaga dan komuniti serta pihak sekolah selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 di sekolah.

Kajian menunjukkan penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan anak-anak dapat memberikan impak yang positif terhadap perkembangan pendidikan dan sahsiah anak-anak. Kajian Abdullah dan Awang (2018) menunjukkan kesan penyertaan masyarakat terhadap peningkatan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) Kuala Lumpur sangat positif, khususnya dari aspek perkembangan sahsiah dan jati diri murid. SBJK adalah sekolah yang unik untuk kanak-kanak jalanan dan gelandangan di kawasan Chow Kit.

Termize, Mohd dan Zamri (2021) mendapati aspek perbincangan, penjagaan dan komunikasi di rumah memberikan hasil yang positif bahawa ibu bapa memberikan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dorongan pembelajaran yang sangat baik kepada anak-anak mereka walaupun terdiri daripada keluarga golongan berpendapatan rendah. Komunikasi ibu bapa dan anak-anak amat penting kerana interaksi yang baik antara kedua-dua pihak mewujudkan hubungan yang rapat. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa yang keluar bekerja dari awal pagi hingga ke lewat malam tidak dapat meluangkan masa dengan anak-anak mereka, menyebabkan wujudnya hubungan kurang mesra antara mereka dan anak-anak mereka.

Galakan dan dorongan, disiplin di rumah, hubungan yang baik antara ibu bapa dan anak-anak, dan hubungan keluarga yang baik adalah faktor-faktor yang boleh memberi kesan terhadap perkembangan keperibadian, motivasi dan prestasi akademik pelajar (Rohanizan, 2018). Pfenninger dan Singleton (2019) menyatakan peranan ibu bapa sebagai pendidik terawal amat mempengaruhi pencapaian murid di sekolah. Penyataan ini selari dengan Mahamod, Mazlan dan Rahman (2021) menjelaskan bahawa ketidakpedulian pihak ibu bapa terhadap perkembangan pendidikan anak-anak mereka akan menyebabkan anak-anak mereka jauh ketinggalan berbanding rakan sebayanya serta mempengaruhi ibu bapa yang lain.

Peranan ibu bapa amat besar sekali dan bertambah bebannya terutama ketika tempoh penularan wabak Covid-19 dan murid menjalani proses pengajaran dan pembelajaran di rumah. Dalam tempoh ini, ramai ibu bapa yang terkesan terutama golongan yang berpendapatan rendah. Kajian Mazlan et al. (2020) menunjukkan pelajar Cina dari golongan keluarga B40 Cina adalah pelajar yang paling lemah dan kurang lancar dalam kemahiran membaca dan menulis, diikuti pelajar B40 India dan pelajar B40 Melayu. Golongan ini menghadapi masalah untuk menyediakan kemudahan seperti komputer riba, telefon bimbit dan langganan Internet. Tambahan pula, ada murid yang dijaga oleh nenek dan datuk di kampung yang tidak dapat membimbing anak-anak dalam pembelajaran di rumah. Kegagalan ibu bapa memainkan peranan sebagai teladan atau contoh kepada anak-anak memberikan impak buruk kepada pertumbuhan mereka (Kamoo & Salleh, 2017). Ibu bapa hendaklah menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak dalam mendidik dan membina personaliti yang baik. Hubungan kekeluargaan yang erat melahirkan murid yang mempunyai personaliti yang tinggi serta pencapaian akademik yang cemerlang (Kamoo & Salleh, 2017).

Model penglibatan ibu bapa yang dirujuk adalah model penglibatan ibu bapa oleh Epstein (2001). Enam jenis penglibatan yang disenaraikan iaitu :

i. Keibubapaan: Penglibatan berlaku apabila amalan keluarga dan persekitaran rumah menyokong "anak-anak sebagai pelajar" dan ketika sekolah memahami keluarga anak-anak. Jenis penglibatan yang pertama ini merujuk kepada penglibatan ibu bapa dalam memastikan keperluan asas anak disediakan misalnya makanan, pendidikan, kesihatan, keselamatan dan perlindungan. Asas-asas ini hendaklah dipenuhi untuk menyokong pertumbuhan anak-anak.
ii. Komunikasi: Penglibatan dari aspek komunikasi berlaku apabila pendidik, pelajar, dan keluarga merancang bentuk komunikasi dua hala iaitu komunikasi antara sekolah ke rumah dan komunikasi rumah ke sekolah yang berkesan. Ibu bapa berkomunikasi dengan sekolah untuk mengikuti kemajuan anak-anak mereka manakala sekolah berkomunikasi dengan keluarga untuk memberitahu program sekolah, kemajuan pelajar, dan acara sekolah. Guru memperoleh kepercayaan keluarga melalui komunikasi yang berkesan antara sekolah dan rumah.
iii. Khidmat Sukarela: Penglibatan yang berlaku apabila pendidik, pelajar, dan keluarga bersatu dan menyediakan bantuan dan sokongan ibu bapa dan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menjemput ibu bapa sebagai penonton untuk aktiviti pelajar. Terdapat banyak cara untuk ibu bapa memberikan bantuan di sekolah. Ibu bapa boleh menghulurkan bantuan untuk membantu menjalankan aktiviti-aktiviti di sekolah mengikut kesesuaian masa mereka.

iv. Pembelajaran di Rumah: Penglibatan yang berlaku apabila maklumat, idea, atau latihan diberikan untuk mendidik keluarga tentang bagaimana mereka dapat membantu anak di rumah dengan kerja rumah dan aktiviti, keputusan, dan perancangan yang berkaitan dengan kurikulum. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh ibu bapa di rumah adalah untuk menolong anak mereka sendiri dalam pembelajaran dengan atau tanpa arahan daripada guru. Misalnya membacakan untuk anak atau mendengar anak membaca. Kajian yang dilakukan oleh Connors dan Epstein (1994) di enam sekolah mendapati bahawa peserta merasakan bahawa sekolah harus bertambah baik dan mengembangkan penglibatan keluarga dalam aktiviti pembelajaran di rumah termasuk kerja rumah.

v. Membuat Keputusan: Penglibatan yang berlaku apabila sekolah melibatkan ibu bapa dalam keputusan sekolah dan mengembangkan pemimpin dan wakil ibu bapa. Ibu bapa diberikan suara untuk membuat keputusan dalam meningkatkan program yang mempengaruhi anak-anak mereka.

vi. Kolaborasi Dengan Komuniti: Penglibatan yang berlaku apabila perkhidmatan, sumber daya, dan rakan komuniti disatukan ke dalam proses pendidikan untuk memperkuatkan aktiviti sekolah, amalan keluarga, pembelajaran dan perkembangan pelajar. Penglibatan seperti ini berlaku apabila pihak sekolah dan ibu bapa membuat kolaborasi bersama badan-badan organisasi luar menjayakan sesebuah program peningkatan murid.

3. Metod Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Populasi kajian ialah seramai 386 orang murid Tahun 6 SJKC daerah Sarikei. Saiz sampel yang diambil ialah sebanyak 197 berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Instrumen kajian yang digunakan ialah instrumen soal selidik yang diubah suai. Instrumen kajian mengandungi 3 bahagian (A, B, dan C). Bahagian A merangkumi demografi responden yang mengandungi 3 item soalan. Bahagian B meliputi tahap motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu yang mengandungi 22 item soalan dan diubahsuai daripada "The Attitude / Motivation Test Battery (AMBT)" (Gardner, 1985). Item-item soalan dalam bahagian B dijawab berdasarkan skala Likert 5 mata iaitu sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), sederhana setuju (3), setuju (4) dan sangat setuju (5). Manakala Bahagian C merangkumi tahap penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pembelajaran Bahasa Melayu anak sepanjang PDPR. Bahagian ini mengandungi 37 item soalan yang diubahsuai dan dibentuk daripada Epstein et al. (2002) dan Kajian Keberkesanan Buku Sarana Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Murid. Item-item soalan dalam bahagian C ini dijawab berdasarkan skala Likert 5 mata iaitu tidak pernah (1), jarang-jarang (2), kadang-kadang (3), kerap(4) dan sangat kerap(5). Keseluruhan jumlah item soalan ialah 62 item soalan.

Jadual 1 menunjukkan Nilai pekali Alpha Cronbach bagi konstruk motivasi ialah 0.98 manakala nilai pekali bagi konstruk penglibatan ibu bapa dan komuniti ialah 0.99. Nilai kebolehpercayaan instrumen soal selidik adalah tinggi. Nilai kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang melebihi 0.7 menunjukkan tahap ketekalan yang tinggi dan boleh diguna pakai dalam menjalankan kajian sebenar (Daud, Yunus & Yusof, 2017).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 1: Nilai Alpha Cronbach bagi Setiap Konstruk

Konstruk	Alpha Cronbach	Bilangan item
Motivasi	0.98	22
Penglibatan ibu bapa dan komuniti	0.99	37

Dapatan data kajian dianalisis dianalisis secara deskriptif (kekerapan, min, sisihan piawai dan peratus) dan inferensi menggunakan *perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS).* Interpretasi skor min daripada Som et al. (2021) yang ditunjukkan di Jadual 2 di bawah digunakan untuk menentukan tahap penglibatan ibu bapa dan komuniti dan tahap motivasi murid SJKC dalam pembelajaran Bahasa Melayu sepanjang PdPR.

Jadual 2 : Interpretasi Skor Min

Julat Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.68 - 5.00	Tinggi

Sumber diubah suai daripada Som et al. (2021)

Nilai Pekali Kolerasi Pearson (*r*) dan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah dirujuk berdasarkan Jadual 3 di bawah sekiranya terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dan komuniti dengan motivasi pembelajaran Bahasa Melayu murid di SJKC sepanjang PdPR. Paras signifikan yang digunakan ialah alfa = 1 peratus atau 0.05 dengan ujian dua hujung. Hubungan antara pemboleh ubah yang dianalisis ialah hubungan pemboleh ubah penglibatan ibu bapa dan komuniti dengan pemboleh ubah motivasi pembelajaran Bahasa Melayu murid di SJKC sepanjang PdPR. Julat Nilai Pekali Pearson (*r*) dan kekuatan perhubungan berdasarkan Jadual 3 berikut:

Jadual 3 : Julat Nilai Pekali Pearson (*r*) dan Kekuatan Perhubungan

Julat Nilai Pekali Pearson (*r*)	Kekuatan perhubungan
r < 0.2	Sangat Lemah
0.2 < r < 0.4	Lemah
0.4 < r < 0.7	Sederhana
0.7 < r < 0.9	Kuat
0.9 < r	Sangat kuat

Sumber: Majid (2000)

4. Dapatan Kajian

4.1. Demografi Responden

Demografi responden kajian merangkumi jantina, umur dan kaum. Jadual 4 di bawah memaparkan seramai 101 (51%) orang murid perempuan dan 96 (49%) orang murid lelaki telah terlibat dalam kajian ini. Keseluruhan jumlah responden kajian ialah seramai 197 orang responden yang bersekolah di SJKC daerah Sarikei. 100% responden yang menjadi berumur 12 tahun iaitu murid Tahun 6 di SJKC. Responden kajian ini terdiri daripada 167(85%) orang murid berbangsa Cina. Lain-lain kaum pula merujuk kepada kaum lain selain kaum Cina dan juga bukan penutur jati bahasa Melayu. Seramai 30(15%) orang murid terdiri daripada kaum selain Cina.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 4 : Demografi responden

Perkara		Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	96	49
	Perempuan	101	51
Umur	12 tahun	197	100
Kaum	Cina	167	85
	Lain-lain	30	15
	Jumlah	197	100

4.2. Tahap Motivasi Murid SJKC Sepanjang PDPR

Jadual 5 di bawah pula menunjukkan analisis tahap motivasi berdasarkan aspek sikap murid, keinginan murid dan motivasi instrumental murid SJKC terhadap Bahasa Melayu.

Jadual 5: Analisis Tahap Motivasi Murid SJKC Sepanjang PdPR

Motivasi Murid SJKC	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Sikap	3.49	0.82	Sederhana
Keinginan	3.34	0.83	Sederhana
Motivasi Instrumental	3.63	0.77	Sederhana
Keseluruhan	3.53	0.77	Sederhana

Jadual 5 menunjukkan nilai skor min 3.53 dan sisihan piawai 0.77 bagi tahap motivasi berdasarkan aspek sikap murid, keinginan murid dan motivasi instrumental murid SJKC terhadap Bahasa Melayu. Dapatan analisis ini menunjukkan tahap motivasi murid SJKC daerah Sarikei terhadap pembelajaran bahasa Melayu sepanjang tempoh PdPR berada di tahap sederhana.

4.3. Tahap Penglibatan Ibu Bapa

Jadual 6 di bawah pula menunjukkan analisis skor min dan sisihan piawai tahap penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pembelajaran Bahasa Melayu murid di SJKC sepanjang PdPR berdasarkan enam aspek penglibatan.

Jadual 6: Analisis Tahap Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Murid SJKC Sepanjang PdPR

Penglibatan ibu bapa dan komuniti	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Aspek Komunikasi	3.36	0.80	Sederhana
Aspek Pembelajaran di Rumah	3.53	0.77	Sederhana
Aspek Membuat Keputusan	3.27	0.82	Sederhana
Aspek Keibubapaan	3.44	0.82	Sederhana
Aspek Kolaborasi dengan Komuniti	3.39	0.87	Sederhana
Aspek Khidmat Sukarela	3.27	0.90	Sederhana
Keseluruhan	3.40	0.76	Sederhana

Jadual 6 menunjukkan nilai skor min dan sisihan piawai bagi keenam-enam aspek penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pembelajaran Bahasa Melayu murid di SJKC sepanjang PDPR. Aspek penglibatan pembelajaran di rumah mencatat nilai skor min yang tertinggi iaitu 3.53 dan sisihan piawai 0.77. Seterusnya, diikuti dengan aspek keibubapaan (M=3.44, SP=0.82), aspek kolaborasi dengan komuniti (M=3.39, SP=0.87)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan aspek komunikasi (M=3.36, SP=0.80). Aspek penglibatan yang mencatat nilai skor min terendah ialah aspek khidmat sukarela (M=3.27, SP=0.90) dan aspek penglibatan membuat keputusan iaitu (M=3.27 dan SP= 0.82). Bagi tahap penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pembelajaran Bahasa Melayu murid di SJKC sepanjang PdPR secara keseluruhan berdasarkan keenam-enam aspek penglibatan pula mencatat nilai skor min 3.40 dan sisihan piawai 0.76. Dapatan ini menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pembelajaran Bahasa Melayu murid SJKC sepanjang PdPR daerah Sarikei berada di tahap sederhana.

4.4. Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti dengan Motivasi Murid SJKC Sepanjang PdPR

Bagi melihat hubungan antara penglibatan ibu bapa dan komuniti dengan motivasi murid SJKC sepanjang PdPR, analisis korelasi Pearson telah digunakan. Nilai Pekali Korelasi Pearson (*r*) dan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah dirujuk sekiranya terdapat hubungan yang signifikan.

Jadual 7 di bawah menunjukkan korelasi min penglibatan ibu bapa dengan motivasi murid SJKC.

Jadual 7: Korelasi Min Penglibatan Ibu Bapa dengan Motivasi Murid SJKC

		Motivasi Murid SJKC
Penglibatan ibu bapa dan Komuniti	*Pearson Correlation*	.79**
	Sig	.000
	N	197

***. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).*

Berdasarkan Jadual 7, nilai pekali korelasi Pearson antara penglibatan ibu bapa dan komuniti dengan motivasi murid SJKC ialah [*r*=-0.79, p=0.00]. Terdapat korelasi yang positif dan signifikan pada tahap yang kuat di antara kedua-dua pembolehubah ini. Hubungan korelasi ini adalah signifikan, iaitu *p*<.0 (*p* = .000). Justeru, terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan motivasi murid SJKC. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pembelajaran murid meningkat, maka motivasi murid dalam pembelajaran juga meningkat.

5. Perbincangan

5.1. Tahap motivasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu sepanjang tempoh PdPR di SJKC

Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap motivasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu sepanjang tempoh PdPR di SJKC adalah sederhana. Ini menunjukkan murid-murid SJKC memiliki sikap, keinginan dan motivasi instrumental dalam pembelajaran Bahasa Melayu sepanjang PdPR. Selaras dengan kenyataan pelopor teori motivasi pembelajaran dan pemerolehan bahasa bukan penutur natif Gardner, seorang pelajar yang memiliki kesemua ciri tersebut adalah yang amat bermotivasi dalam mempelajari bahasa kedua (Gardner, 1985).

Motivasi murid dalam pembelajaran mampu dipupuk melalui sikap murid itu sendiri. Menurut Hwa dan Subramaniam (2017), sikap amat penting dalam proses pembelajaran

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

bahasa kedua kerana murid akan berusaha untuk mempelajari bahasa tersebut sekiranya murid merasakan bahawa pembelajaran bahasa tersebut penting. Sikap murid SJKC di daerah Sarikei dalam pembelajaran bahasa Melayu sepanjang PdPR menunjukkan sikap yang postif. Dapatan mendapati murid-murid SJKC belajar Bahasa Melayu mengikut jadual. Hal ini dikatakan demikian kerana PdPR di sekolah-sekolah SJKC daerah Sarikei dapat dijalankan. Faktor lokasi sekolah-sekolah SJKC di daerah Sarikei yang berdekatan dengan bandar dan mendapat capaian talian komunikasi dan Internet membolehkan sekolah SJKC menjalankan PdPR. Oleh yang demikian, murid-murid SJKC daerah Sarikei dapat mengikuti pembelajaran khasnya pembelajaran Bahasa Melayu mengikut jadual yang ditetapkan oleh pihak sekolah.

Dari aspek keinginan murid SJKC mempelajari Bahasa Melayu, dapatannya juga sederhana seperti aspek sikap murid SJKC mempelajari Bahasa melayu. Murid-murid SJKC mempelajari Bahasa Melayu kerana mereka menyedari bahawa mata pelajaran ini sangat penting. Murid-murid SJKC mempelajari bahasa Melayu bukan kerana minat namun kerana Bahasa Melayu adalah sebuah mata pelajaran yang penting. Murid-murid SJKC menyedari bahawa mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan salah satu syarat untuk kemasukkan ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Ini yang menyebabkan mereka terdorong atau bermotivasi untuk mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu bagi sekadar memenuhi syarat.

Dari aspek motivasi instrumental, murid-murid SJKC terdorong untuk mempelajari Bahasa Melayu kerana Bahasa Melayu ialah subjek yang wajib. Mereka juga menguasai bahasa Melayu untuk mendapat keputusan yang baik walaupun mereka tidak bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Mahamod, Ab. Ghani dan Mohamad (2016) serta kajian Zubir, Kamaruddin dan Sha'ri (2019) iaitu murid-murid SJKC mempelajari bahasa Melayu hanya untuk lulus dalam ujian semata-mata. Murid SJKC mengetahui bahawa sekiranya mereka menguasai bahasa Melayu, mereka akan mempunyai kelebihan khasnya dari segi peluang pekerjaan pada masa hadapan.

Kesimpulannya, faktor motivasi murid SJKC dalam mempelajari Bahasa Melayu dari aspek sikap, keinginan dan motivasi instrumental kerana Bahasa Melayu adalah mata pelajaran yang wajib dan penting untuk prestasi akademik mereka. Tahap motivasi murid SJKC dalam mempelajari Bahasa Melayu yang sederhana ini menunjukkan bahawa murid-murid SJKC memerlukan sebuah inisiatif daripada semua pihak yang berkenaan untuk meningkatkan motivasi mereka dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Pegawai PPD dan pihak sekolah perlu berganding bahu untuk memikirkan, merancang dan melaksanakan strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang lebih bersesuaian bagi meningkatkan tahap motivasi dalam kalangan murid. Hal ini dikatakan demikian kerana motivasi memberikan impak yang besar kepada pembelajaran bahasa kedua murid.

5.2. Tahap penglibatan ibu bapa dan komuniti sepanjang tempoh PdPR

Hasil dapatan menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa dan komuniti sepanjang tempoh PdPR adalah sederhana. Proses pengajaran dan pembelajaran di rumah sememangnya memerlukan usaha sama pelbagai pihak. Proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) merupakan pengalaman baharu buat semua pihak dan semua telah berusaha semaksima mungkin untuk beradaptasi dengan setiap perubahan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

yang berlaku sepanjang PdPR. Dapatan kajian ini menunjukkan penglibatan ibu bapa dan komuniti sepanjang PdPR begitu positif dan perlu dipuji.

Keenam-enam konstruk mencapai julat nilai skor min di tahap sederhana. Daripada keenam-enam jenis penglibatan tersebut, aspek penglibatan pembelajaran di rumah mencatat skor min yang tertinggi (M=3.53). Penglibatan ibu bapa dari aspek ini amat bersesuaian dan bertepatan sekali dengan tuntutan keadaan sepanjang pandemik kerana dapatan ini menunjukkan bahawa ibu bapa terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran anak-anak di rumah sepanjang PdPR. Ibu bapa atau penjaga adalah individu yang memainkan peranan penting dalam membantu, membimbing dan menyediakan keperluan pembelajaran anak-anak di rumah. Ibu bapa telah menyediakan persekitaran yang kondusif untuk anak-anak agar selesa menjalani pembelajaran di rumah. Persekitaran yang kondusif seperti ruang belajar yang bersih, kemas dan senyap membantu murid-murid memberikan tumpuan yang lebih baik ketika belajar. Sebelum pandemik, murid-murid menghabiskan banyak masa mereka di sekolah namun semasa PdPR murid melalui proses pembelajaran sepenuh di rumah. Justeru, wajarlah ibu bapa menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk anak-anak. Kajian Ujai dan Wan Mohamad (2017) serta Hwa dan Subramaniam (2017) membuktikan persekitaran pembelajaran yang baik membantu murid mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dengan lebih baik.

Kajian ini juga mendapati aktiviti membaca buku Bahasa Melayu kurang dipratikkan di rumah. Antara faktor yang menyumbang kepada kurangnya aktiviti membaca di rumah ialah ibu bapa sibuk dengan pekerjaan mereka. Walaupun pada tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP), ibu bapa perlu bekerja di rumah namun beban tugas yang banyak dalam masa yang sama perlu mengurus anak-anak di rumah menyebabkan ibu bapa tidak mempunyai masa untuk mengadakan aktiviti membaca bahan Bahasa Melayu. Keadaan ini juga menjadi satu bebanan bagi sesetengah ibu bapa kerana mereka perlu bekerja di rumah sambil mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran anak-anak (Ahmad Saifudin & Hamzah, 2021). Tambahan pula, terdapat penjaga murid tidak tahu membaca dan tidak dapat membimbing murid di rumah kerana terdapat murid yang tidak tinggal bersama ibu bapa dan dijaga oleh penjaga seperti datuk dan nenek yang menyebabkan aktiviti membaca bahan Bahasa Melayu kurang dipratikkan di rumah.

Dalam penglibatan jenis keibubapaan, ibu bapa banyak memberikan peneguhan yang positif kepada anak-anak dalam pembelajaran Bahasa Melayu sepanjang PdPR. Kajian ini menunjukkan ibu bapa murid di SJKC memberikan peneguhan seperti galakan, dorongan, kata-kata pujian dan rangsangan agar dapat memupuk motivasi anak-anak dalam pembelajaran terutama pada masa yang sukar seperti PdPR. Sokongan moral daripada ibu bapa yang tinggi meningkatkan kesedaran dan usaha murid untuk berjaya dalam pelajaran (Termize, Mohd & Zamri, 2021). Namun, dalam konstruk ini juga sekali lagi menunjukkan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti membaca Bahasa Melayu sepanjang PdPR kurang memuaskan. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa menanggung bebanan yang banyak iaitu beban tugas kerja hakiki dengan tugas-tugas di rumah sehingga mereka tidak mempunyai masa untuk mengadakan aktiviti membaca bahan Bahasa Melayu dengan anak-anak anak (Ahmad Saifudin & Hamzah, 2021).

Penglibatan ibu bapa dalam PdPR dari aspek kolaborasi dengan komuniti menunjukkan ibu bapa dan komuniti di SJKC sepanjang PdPR masih sederhana namun begitu memberangsangkan. Para ibu bapa memberikan sumbangan dan sokongan sepenuhnya

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kepada sekolah dalam mengadakan program kerjasama sekolah dengan agensi luar atau komuniti setempat. Para ibu bapa menyedari bahawa program-program yang diadakan di sekolah adalah bertujuan untuk meningkatkan pembelajaran anak-anak mereka. Ibu bapa murid SJKC juga mengambil inisiatif sendiri dengan mengalakkan anak-anak mereka menyertai program anjuran organisasi luar ke arah meningkatkan kemahiran dan pembelajaran anak-anak. Kita sedia maklum, kebanyakan kedua-dua ibu bapa kini bekerja namun mereka dapat meluangkan masa untuk membantu anak-anak mengikuti program-program anjuran sekolah dan komuniti.

Seterusnya, wujudnya komunikasi yang berkesan antara ibu bapa dan anak-anak dalam pembelajaran anak-anak di rumah sepanjang PdPR. Murid-murid SJKC sentiasa diingatkan untuk tekun belajar dan mengulang kaji pelajaran Bahasa Melayu sepanjang PdPR untuk kebaikan masa hadapan mereka. Ini menunjukkan ibu bapa murid SJKC juga turut sedar akan kepentingan pembelajaran Bahasa Melayu kerana lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah merupakan salah satu syarat kemasukan ke universiti. Kemahiran berkomunikasi dalam kalangan ibu bapa adalah hasrat kementerian pendidikan menerusi PPPM 2013-2015 dan sarana ibu bapa. Tambahan pula, sepanjang tempoh PDPR, ada segelintir ibu bapa yang perlu bekerja di rumah atau tidak kurang juga ada yang tidak lagi bekerja akibat pandemik yang melanda. Keadaan ini dari sudut positifnya memberikan peluang kepada ibu bapa untuk lebih banyak masa berinteraksi dan berkomunikasi dengan anak-anak. Tahap penglibatan ibu bapa dari aspek komunikasi dalam pembelajaran murid SJKC sepanjang PdPR yang masih sederhana masih boleh dipertingkatkan kerana ibu bapa boleh mengawal corak komunikasi di rumah. Terdapat segelintir ibu bapa mengambil sikap endah tak endah serta tidak menegur sikap anak-anak yang malas membuat latihan dan tidak memasuki kelas dalam talian. Ini menyebabkan anak-anak tidak dapat mengikuti kelas dengan baik khasnya murid sekolah rendah yang amat memerlukan bimbingan daripada ibu bapa.

Penglibatan ibu bapa dalam khidmat sukarela menurut Epstein ialah merujuk kepada sumbangan bantuan dalam pelbagai bentuk untuk pembelajaran anak-anak di sekolah. Sepanjang PDPR, penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam memberikan khidmat sukarela merujuk kepada khidmat ibu bapa dan komuniti dalam membantu pelaksanaan aktiviti-aktiviti murid anjuran sekolah di rumah. Pelbagai aktiviti-aktiviti kurikulum dan kokurikulum dilaksanakan secara atas talian seperti Pertandingan Syarahan, Pertandingan Bercerita dan sebagainya bagi memastikan murid kekal aktif dengan aktiviti di luar pengajaran dan pembelajaran sepanjang PdPR. Segala persiapan seperti mengambil video, penyediaan pakaian dan latihan serta lain-lain persiapan yang hanya boleh dilakukan di rumah memerlukan kerjasama dan bantuan ibu bapa untuk melakukannya. Sudah tentu tanpa kerjasama dan bantuan ibu bapa, para guru tidak dapat membimbing murid untuk mencapai matlamat program.

Akhir sekali, jenis penglibatan ibu bapa yang mencatat skor min terendah ialah penglibatan ibu bapa dari aspek membuat keputusan. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa kurang pengetahuan untuk menentukan yang terbaik mengenai pembelajaran Bahasa Melayu anak-anak. Ibu bapa memberikan kebebasan kepada anak-anak untuk memilih aktiviti-aktiviti yang hendak diikuti di sekolah. Namun sekiranya ibu bapa tidak terlibat dan membiarkan sahaja anak-anak tanpa bimbingan juga membuatkan anak-anak tidak terdorong untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Tindakan tegas ibu bapa dalam membuat keputusan dapat mendisiplinkan anak-anak agar dapat mengikuti pembelajaran Bahasa Melayu dengan lebih terarah.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kesimpulannya, isu penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pembelajaran anak-anak telah lama diperdebatkan namun tiada menemui jalan penyelesaian terbaik kerana perubahan zaman dan pendekatan ibu bapa dengan anak-anak juga berbeza mengikut peredaran zaman. Tahap penglibatan ibu bapa belum mencapai tahap yang membanggakan dan menegaskan bahawa ibu bapa hendaklah turut terlibat aktif dalam pembelajaran dan aktiviti anak di sekolah (Khalid, 2016). Tambahan pula, proses pengajaran dan pembelajaran di rumah sudah tentu memerlukan usaha berlipat ganda daripada ibu bapa demi keberlangsungan pendidikan anak-anak yang terkesan akibat pandemik yang melanda.

5.3. Hubungan penglibatan ibu bapa dan komuniti dengan motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu di SJKC sepanjang tempoh PdPR

Hasil dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dan komuniti dengan tahap motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu sepanjang tempoh PdPR. Dapatan ini menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa dan komuniti mempengaruhi motivasi murid dalam pembelajaran. Sekiranya tahap penglibatan ibu bapa dan komuniti rendah maka tahap motivasi murid dalam pembelajaran juga rendah. Tahap motivasi murid adalah rendah dan kurang berminat dalam akademik sekiranya mereka tidak mendapat sokongan daripada ibu bapa (Mahamud, 2017; Razali & Azman, 2021). Motivasi bersifat luaran murid SJKC dalam dapatan kajian ini dilihat lebih positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu berbanding motivasi bersifat dalaman. Murid-murid SJKC mempelajari Bahasa Melayu kerana mata pelajaran tersebut wajib dipelajari dan merupakan antara syarat untuk kelayakan ke universiti. Motivasi bersifat luaran atau motivasi ekstrinsik ini adalah sebuah keinginan untuk belajar dalam diri murid yang wujud kerana terdapat dorongan dari luar (Ramadhan 2017). Ibu bapalah pendorong luaran utama murid yang paling dekat dan mudah diperolehi. Kajian-kajian Ani Endriani (2016), Ramalingam, Maniam dan Karuppanan (2019) serta Cheah dan Amir (2020) menyokong dapatan kajian ini bahawa penglibatan ibu bapa mempengaruhi motivasi anak dalam pembelajaran khasnya dalam pembelajaran bahasa kedua.

Apabila murid-murid menyedari akan kepentingan Bahasa Melayu dan memiliki keinginan untuk belajar, tugas ibu bapa lebih mudah untuk terus menyokong dan memulakan peranan sebagai pendorong utama dari aspek keibubapaan. Kata-kata rangsangan, pujian dan dorongan daripada kedua-dua ibu bapa antara peneguhan positif bagi meningkatkan motivasi anak-anak dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Dengan kata-kata dorongan dan rangsangan dari ibu bapa, anak -anak akan berasa yakin dengan pembelajaran Bahasa Melayu dan membuatkan anak-anak rasa ibu bapa mereka mengambil berat tentang pembelajaran mereka. Namun sepanjang PKP, ibu bapa tidak mengambil berat tentang pembelajaran anak-anak kerana lebih mengutamakan pekerjaan hingga menyebabkan murid kekurangan motivasi untuk meneruskan PdPR (Mahamod & Rahman, 2020). Oleh yang demikian, ibu bapa atau komuniti hendaklah menyesuaikan diri dengan norma baharu semasa pandemik Covid-19 agar anak-anak tidak tercicir dalam pembelajaran.

Dari aspek komunikasi, ibu bapa hendaklah sentiasa mewujudkan interaksi dan komunikasi dengan anak-anak. Interaksi dan komunikasi berperanan dalam mengekalkan motivasi pembelajaran anak-anak (Selvanathan, Hussin, & Azazi, 2020). Apabila anak-anak merasa sukar dan kurang motivasi untuk mempelajari Bahasa Melayu, ibu bapa sepatutnya menjadi tempat luahan perasaan anak dan individu yang

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menaikkan semua semangat dan motivasi anak-anak. Anak-anak berasa selesa untuk menyampaikan masalah mereka sekiranya hubungan komunikasi ibu bapa dan anak-anak baik.

6. Kesimpulan

Hubungan tahap penglibatan ibu bapa dengan tahap motivasi murid SJKC dalam pembelajaran Bahasa Melayu sepanjang PdPR yang sederhana ini menunjukkan bahawa ibu bapa hendaklah meningkatkan pengetahuan kemahiran keibubapaan mereka dalam usaha membantu pembelajaran Bahasa Melayu anak-anak. Khususnya, meningkatkan motivasi murid sewaktu menjalani norma baharu proses pengajaran dan pembelajaran yang mencabar kini.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) khususnya pensyarah penyelia, guru-guru, rakan-rakan, ibu bapa dan murid-murid yang banyak membantu kepada kejayaan dalam menjalankan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Tiada menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan terhadap kajian ini.

Rujukan

Abd Rahman, I., & Ramli, A. A. (2021). Isu dan Cabaran dalam Pelaksanaan Pendidikan Peringkat Rendah dan Menengah: Pendekatan Malaysia Semasa Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *6*(9), 1-13. https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1043

Abdullah, F. N. P., & Awang, M. (2018). Kolaborasi Komuniti dalam Penambahbaikan Sekolah: Satu kajian kes di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih Kuala Lumpur. In: *Seminar Kebangsaan Transformasi Sosio-Ekonomi Wilayah Utara ke-3*, 02 -03 Ogos 2018, Hotel Casuarina@Meru, Ipoh, Perak Darul Ridzuan. http://repo.uum.edu.my/id/eprint/24692/

Akta Pendidikan (1966). Akta 550. *Undang-Undang Malaysia Cetakan Semula (sebagaimana pada 1 Januari 2012)*. Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia. https://web.archive.org/web/20210117155752/http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20550.pdf

Ahmad Saifudin, N. H., & Hamzah, M. (2021). Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) Dalam Talian Dengan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, *3*(3), 250-264. http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd

Ani Endriani. (2016). Hubungan Perhatian Orang Tua dengan Motivasi Belajar pada Siswa Kelas VIII Smpn 6 Praya Timur Lombok Tengah Tahun Pelajaran

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2015/2016. *Jurnal Bimbingan dan Konseling*, *1*(6). https://doi.org/10.33394/realita.v1i2.708

Cheah, W., & Amir, R. (2020). Penghargaan Kendiri dan Motivasi Pencapaian terhadap Pencapaian Bahasa Inggeris Murid. *International Journal Of Education And Pedagogy*, *2*(1), 216-234. https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeap/article/view/8498.

Chew, F. P., & Lee, T. L. (2009). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Cina dan Melayu di Kuala Terengganu. *2nd International Conference Issues in Language Teaching and Learning amongst Non-Native Speaker: Language Competence and Performance*. 2-3 Disember, UiTM, Shah Alam.

Connors, L. J., & Epstein, J. L. (1994). Taking Stock. Views of Teachers, Parents, and Students on School, Family, and Community Partnerships in High Schools. *Report No. 25*. https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED380524.pdf

Daud, S. H. S., Yunus, N., & Yusof, H. (2017). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Penyeliaan Berkesan. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, *5*(3), 50-61. https://juku.um.edu.my/article/view/8227

Epstein, J.L. (2001). *School, Family, And Comunity Patnerships Preparing Educators and Improving Schools*, Westview Press 2001, Colarado, USA. https://eric.ed.gov/?id=ED454322

Epstein, J. L.; Sanders, Mavis G.; Simon, Beth S.; Salinas, Karen Clark; Jansorn, Natalie Rodriguez; Van Voorhis, Frances L. (2002). *School, Family, and Community Partnerships: Your Handbook for Action*. Second Edition. Corwin Press, Inc, California, USA. https://www.govinfo.gov/content/pkg/ERIC-ED467082/pdf/ERIC-ED467082.pdf

Gardner, R. C. (1985). *Social Psychology and Second Language Learning: The Role of Attitudes and Motivation*. London: Edward Arnold.

Hwa, O. C., & Subramaniam, V. L. (2016). Tahap Motivasi Murid dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Ulum Islamiyyah Journal*, *18*, 115-130. https://www.coursehero.com/file/50718285/6-ulum-islamiyyah-18pdf/

Hwa, O. C., & Subramaniam, V. (2017). Faktor Timbulnya Pengaruh Bahasa Pertama dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *'Ulum Islamiyyah: The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, *20*, 35-45. https://doi.org/10.33102/uij.vol20no0.39

Ibrahim, R. (2017). Faktor Dalaman dan Luaran yang Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Melayu Murid-Murid Cina. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ibrahim, R., & Mahamod, Z. (2017). Faktor Dalaman yang Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Melayu Murid Cina. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau ke-VIII (2017)*, 7-18. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. https://seminarserantau2017.files.wordpress.com/2017/09/2-roasharimah-ibrahim-zamri-mahamod.pdf

Jaafar, W. N. W., & Maat, S. M. (2020). Hubungan antara Motivasi dengan Pencapaian Matematik dalam Kalangan Murid Sekolah Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, *10*(1), 39-48. https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol10.1.5.2020

Kamoo, G., & Salleh, N. M. (2017). Pengaruh Struktur Keluarga dan Stail Keibubapaan terhadap Pencapaian Akademik Murid India di Sekolah Menengah Rendah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, *2*(1), 44-53. http://mjs.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/8063

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 1 Tahun 2018: Garis Panduan Penglibatan Ibu Bapa, Penjaga dan Komuniti Sebagai

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sukarelawan Di Dalam Kelas, *Bahagian Pengurusan Sekolah Harian*. https://www.moe.gov.my/en/pekeliling/1934-surat-pekeliling-ikhtisas-bilangan-1-tahun-2018-garis-panduan-penglibatan-ibu-bapa-penjaga-dan-komuniti-sebagai-sukarelawan-di-dalam-kelas/file

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR). https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/laporan-dan-statistik/lp/3056-pelaporan-pentaksiran-sekolah-rendah-2019/file

Khalid, M. (2016, September 25). Tahap Penglibatan Ibu Bapa di Sekolah Perlu Dipertingkat. *mstar*. https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/09/25/penglibatan-ibu-bapa-perlu-dipertingkat

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement*, *30* (3), 607-610. https://doi.org/10.1177/001316447003000308

Mahad, I., Magesvaran, U., & Hamzah, I. N. S. (2021). Sikap dan Motivasi Murid Sekolah Rendah terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM), 11*(1), 16-28. https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/issue/view/69

Mahamod, Z., Ab. Ghani, K. A., & Mohamad, W.M.R.W. (2016). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina Berdasarkan Sikap dan Kemahiran Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *6*(1), 38-51. http://journalarticle.ukm.my/9865/1/107-211-1-SM.pdf

Mahamod, Z., & Rahman, A. A. (2020). COVID-19: *Impak dalam pengajaran dan pembelajaran*. Dlm. Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (Pnyt.) *Sistem Pendidikan di Malaysia: Sejarah dan Cabaran Abad Ke-21*, 449-486. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mahamod, Z., Mazlan, R., Amin, N., & Rahman, M. Z. A. (2021). Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Murid-Murid B40 dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. PENDETA: *Journal of Malay Language, Education and Literature*, *12*(1), 40-62. http://journalarticle.ukm.my/9865/1/107-211-1-SM.pdf

Mahamud, I. Y. (2017). *Penglibatan Ibu Bapa dalam Aktiviti Pembelajaran di Rumah dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Murid di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan*. Universiti Putra Malaysia. http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/70726/1/FPP%202017%2017%20IR.pdf

Majid, M. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pejabat Perdana Menteri. (2019). Dasar Pendidikan Kebangsaan/Pejabat Perdana Menteri. *Dasar Pendidikan Kebangsaan*, 1-3. https://www.pmo.gov.my/?s=dasar+pendidikan+kebangsaan

Mazlan, R., Amin, N., Rahman, M. Z. A., & Mahamod, Z. (2020). Tahap Penguasaan Membaca dan Menulis Murid B40 dari Perspektif Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *10*(2), 54-73. https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/239

Nahar, N. (2018). Tahap Profesiensi Bahasa Melayu dan Hubungannya dengan Status Sosioekonomi, Motivasi Belajar dan Pencapaian Akademik dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif. *Tesis PhD Fakulti Pengajian Pendidikan*, Universiti Putra Malaysia.

Ngumbang, N., & Mahamod, Z. (2017). Sikap, Minat dan Motivasi Murid Melanau dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, *8*, 47-58. https://doi.org/10.37134/pendeta.vol8.5.2017

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pfenninger, S.E., & Singleton, D. (2019). Starting Age Overshadowed: The Primacy of Differential Environmental and Family Support Effects On Second Language Attainment in an Instructional Context. *Journal of Research in Language Studies, . 69:S1,* 207–234. https://onlinelibrary.wiley.com/doi/full/10.1111/lang.12318

Polai, A., & Mahamod, Z. (2021). Pengaruh Bahasa Melanau Dalat dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Tahun Dua. *Jurnal Dunia Pendidikan*, *3*(2), 174-182. http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/13510.

Ramalingam, S., Maniam, M., & Karuppanan, G. (2019). Penglibatan Ibu Bapa dalam Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Tamil Di Selangor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *3*(3), 308- 323. https://doi.org/10.33306/mjssh/24

Razali, S. K. M., & Azman, N. (2021). Pembelajaran dalam Talian Sepanjang Pandemik Covid-19: Faktor Akses Internet dan Sosioekonomi terhadap Motivasi Pelajar Kolej Komuniti, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *6*(11), 1-14. https://10.47405/mjssh.v6i11.1162

Rohanizan Mohammad. (2018). Gejala Sosial di Kalangan Remaja. https://www.academia.edu/12537670/GEJALA_SOSIAL_DI_KALANGAN_REMAJA

Selvanathan, M., Hussin, N. A. M., & Azazi, N. A. N. (2020). Students Learning Experiences During COVID-19: Work From Home Period In Malaysia Higher Learning Instititions. *Journal SAGE*, *10*(11), 1-10. https://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/0144739420977900

Som, M. F. M., Ali, S. K. S., Jamaluddin, S., & Baharan, M. F. M. (2021). Tahap Amalan Penaakulan Pedagogi Guru Pendidikan Jasmani Sekolah Menengah Dari Aspek Kefahaman Dan Transformasi: Satu Kajian Di Daerah Klang, Selangor. *Jurnal kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, *9*(1). https://juku.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/28817/12899

Termize, M. F., Mohd, R., & Zamri, A. (2021). Tahap Sokongan Ibu Bapa dalam Membantu Pembelajaran Murid B40 di Sekolah Luar Bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, [S.l.], *3*(1), 707-717. http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/12965.

Ujai, D.S., & Mohamad, W.M.R.W. (2017). Pengaruh Faktor Sosial dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *7*(1), 74-84. https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/135

Zubir, M. U., Kamaruddin, R., & Sha'ri, S. N. (2019). Motivasi dan Sikap Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Tingkatan Satu (Junior One Loyalty), Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua. *Jurnal Kesidang*, *3*(1), 82-91. http://kuim.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/313/269.

Zuki, K. N. M., & Mohamad, W.M.R.W. (2017). Sikap dan Motivasi Murid Bajau Daerah Beluran dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *7* (1). 24-33. https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/129

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).